

# KARNIVAL Kerjaya Kebangsaan Zon Utara

Oleh: Norazian Mohamed Noor  
Pensyarah

Pada 2 hingga 4 Januari 2007 telah berlangsung Karnival Kerjaya Kebangsaan Zon Utara di Dewan Wawasan, Kangar. Karnival ini telah dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Perlis, Dato' Seri Shahidan Kassim. Tujuan penganjuran karnival ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar IPT khususnya pelajar tahun akhir tentang dunia kerjaya. Sepanjang dua hari karnival tersebut berlangsung, pelbagai syarikat daripada industri telah mengambil bahagian. Antaranya ialah Celcom, Spansion, Bank Rakyat dan Terinai. Pelbagai aktiviti telah dijalankan termasuk ceramah industri dan temuduga pelajar-pelajar tahun akhir yang dilakukan oleh syarikat-syarikat yang mengambil bahagian.

PPKAS juga turut mengambil bahagian dalam karnival ini melalui kiosk promosi PPKAS dan pameran penyelidikan. Dua hasil penyelidikan daripada PPKAS telah dipamerkan di karnival berkenaan. Kiosk PPKAS turut diserikan dengan kehadiran para pelajar PPKAS pada hari kedua karnival ini berlangsung. Semoga para pelajar mendapat manfaat dalam bidang kerjaya mereka daripada program seumpama ini.